SUMAYAH

lwn.

THE SELANGOR OMNIBUS CO BHD & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
HAS ZANAH MEHAT PK
[RAYUAN SIVIL NO: R2-12B-329-2009]
30 JANUARI 2011

TORT: *Gantirugi - Kemalangan jalanraya - Isu kuantum - Kecederaan kepala - Kecederaan kepala yang serius tetapi tidak mencapai tahap severe brain damage atau post-traumatic dystrophy - Award RM150,000*

TORT: *Gantirugi - Kemalangan jalanraya - Isu liabiliti - Plaintif terjatuh dari bas kepunyaan defendan - Defendan gagal menutup pintu belakang bas walaupun bas sedang bergerak - Sama ada plaintif menyumbang cuai dengan berdiri menghala ke pintu belakang - Sama ada saman yang dikeluarkan ke atas defendan di bawah Ordinan Pengangkutan Jalan 1958 boleh digunakan untuk mewujudkan tanggungan - Plaintif didapati menyumbang cuai 30% - Sama ada keputusan Mahkamah Sesyen atas isu liabiliti tepat dan sah*

TORT: *Gantirugi - Kemalangan jalanraya - Kehilangan pendapatan - Tiada bukti bahawa plaintif bekerja 30 hari sebulan - Tiada bukti bahawa plaintif bekerja lebih masa setiap hari - Pengiraan berdasarkan 20 hari bekerja sebulan*

TORT: *Gantirugi - Kemalangan jalanraya - Kos penjagaan - Sama ada plaintif memerlukan pengawasan dan penjagaan sepanjang hidup - Sama ada munasabah untuk suami plaintif berhenti bekerja untuk menjaga plaintif - Sama ada penjagaan plaintif patut dibuat oleh penjaga berupah - Prinsip mitigasi*

Plaintif menuntut gantirugi terhadap defendan 1 dan 2 kerana kecederaan yang dialami akibat terjatuh dari bas kepunyaan defendan 1 dan dipandu oleh defendan 2 (bas tersebut). Plaintif telah terjatuh dari bas tersebut ketika berada di Jalan Kepong. Suami plaintif (SP5) memberi keterangan bahawa beliau dan plaintif telah menaiki bas dari Damansara Damai menuju ke Chow Kit di Kuala Lumpur. Sepanjang perjalanan mereka terpaksa berdiri kerana bas penuh dengan penumpang. Plaintif terjatuh dari pintu belakang semasa bas dipandu laju sambil mengubah lorong dan corner sedikit. Manakala, konduktor bas (SD3) pula mengatakan

bahawa plaintif dan SP5 duduk di belakang sekali dengan keduanya membayar tiket untuk ke Chow Kit. Apabila SD3 mendengar loceng dibunyikan untuk penumpang turun dan bas sedang bergerak perlahan, beliau mendengar bunyi bising bahawa ada penumpang jatuh. Defendan 2 (SD2) telah memberi keterangan bahawa semasa bas sedang bergerak perlahan, sebelum pintu belakang bas sempat ditutup selepas berhenti di perhentian bas, loceng telah dibunyikan untuk penumpang turun di perhentian seterusnya. Melalui cermin pandang belakang SD2 nampak seorang penumpang perempuan telah melompat turun sebelum bas berhenti. Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah mendapati defendan bertanggungan sebanyak 70% dan plaintif menyumbang cuai sebanyak 30%. Bagi kuantum pula HMS membenarkan, antara lain, RM150,000 bagi kecederaan kepala, RM100,000 untuk kehilangan pendapatan, dan RM105,480 bagi kos penjagaan. Plaintif dan defendan masing-masing telah memfailkan rayuan dan rayuan balas terhadap liabiliti dan kuantum. Plaintif memohon kos jagaan berdasarkan ganti kepada pendapatan yang diperolehi suaminya (SP5) yang kononnya terpaksa berhenti bekerja untuk menjaga plaintif. Isu-isu untuk diputuskan dalam rayuan ini adalah: (i) Sama ada defendan 100% cuai; (ii) sama ada plaintif menyumbang cuai terhadap kemalangan tersebut; (iii) sama ada award gantirugi am RM150,000 adalah terlalu rendah berbanding trend award semasa; (iv) sama ada award RM105,480 untuk kos jagaan adalah terlalu rendah; dan (v) sama ada award RM100,000 untuk kehilangan pendapatan adalah terlalu rendah dan HMS gagal mengambil kira pendapatan sebenar plaintif semasa kemalangan.

Diputuskan (menolak rayuan dan rayuan balas tanpa perintah untuk kos):

(1) Mahkamah bersetuju dengan dapatan fakta oleh HMS bahawa adalah tidak munasabah bahawa plaintif tergesa-gesa turun atau melompat turun sebelum bas betul-betul berhenti kerana telah lewat ke tempat kerja. Tempat kemalangan tersebut juga masih jauh dari destinasinya iaitu Chow Kit berdasarkan pembelian tiket. Mahkamah juga bersetuju dengan dapatan fakta oleh HMS bahawa defendan adalah cuai kerana tidak menutup pintu belakang bas walaupun bas sedang bergerak. (perenggan 11)

(2) Berdasarkan eks. P3 (keputusan penyiasatan kes), saman di bawah r. 136A LN 170/59 telah dikeluarkan terhadap SD2. Pelanggaran peruntukan Ordinan Pengangkutan Jalan 1958,

boleh digunakan untuk tujuan mewujudkan tanggungan. *M.A Clyde v. Wong Ah Mei & Anor* (dirujuk); *Yahaya bin Mat & Anor v. Abdul Rahman bin Abu* (dirujuk). (perenggan 13)

(3) Berdasarkan keterangan SP5 bahawa beliau dan plaintif berdiri di bahagian tengah bas dan plaintif berdiri di belakangnya menghala ke pintu belakang. Plaintif terjatuh apabila bas yang tidak ditutup pintunya cuba membelok untuk berpindah lorong. Plaintif menanggung risiko apabila berdiri di belakang berhampiran pintu. Tidak terdapat keterangan bagaimana plaintif menjaga keselamatan dirinya pada ketika itu. Maka, plaintif telah mewujudkan situasi yang membahayakan keselamatan diri sendiri. Oleh itu dapatan HMS bahawa plaintif adalah bertanggungan kerana sumbang cuai dan liabiliti sebanyak 30% tidak wajar diganggu. (perenggan 17)

(4) Tanggungan kecuaian defendan lebih berat kerana tidak menutup pintu bas semasa bas sedang bergerak walaupun perlahan. SD2 sebagai seorang yang munasabah sepatutnya menjangka bahawa dengan tidak menutup pintu, penumpang boleh jatuh. (perenggan 19)

(5) HMS menerima keterangan bahawa plaintif mengalami kecederaan kepala yang serius tetapi beliau berpendapat kecederaan itu tidak sama sekali mencapai tahap severe brain damage atau post-traumatic dystrophy. Maka, tiada sebab untuk mengganggu dapatan dan keputusan Mahkamah Sesyen untuk gantirugi ini. (perenggan 27)

(6) Keterangan hanya membuktikan bahawa plaintif menerima gaji RM35 sehari tetapi tiada bukti yang menunjukkan plaintif bekerja 30 hari sebulan. Tiada bukti menunjukkan plaintif ada bekerja lebih masa pada setiap hari. Maka, HMS telah membenarkan atas dasar 20 hari bekerja sebulan kerana tempoh tersebut adalah munasabah dan berpatutan. Tiada sebab untuk mengganggu keputusan tersebut. (perenggan 30 & 31)

(7) Berdasarkan keterangan pakar, plaintif sememangnya memerlukan pengawasan dan penjagaan sepanjang hidupnya. Tetapi, plaintif patut mitigate the loss. Sememangnya SP5 bertanggungjawab untuk menjaga plaintif tetapi kerja ini boleh diserahkan kepada orang lain dengan upah yang lebih rendah dan SP5 boleh meneruskan kerja. Juga terdapat keterangan

bahawa SP5 masih bekerja di Malaysia sebagai Electrician. Maka, tidak ada sebab mengganggu jumlah yang diaward bagi kos penjagaan ini. (perenggan 32)

Kes-kes yang dirujuk:

Chandra Sekaran Krishnan Nair Dan Satu Lagi lwn. Ayub Mohamed Dan Satu Lagi [1994] 1 LNS 249 HC ***(dirujuk)***

Cheng Siak Hor & Anor v. Rozali Ahmad [2002] 4 CLJ 223 HC ***(dirujuk)***

Liong Thoo v. Sawiyah Hj Sirat & Ors [1981] CLJ 127; [1981] CLJ (Rep) 171 HC

MA Clyde v. Wong Ah Mei & Anor [1970] 1 LNS 73 FC ***(dirujuk)***

Noor Azahar Habin v. Rajaswari Sithampara Pillai & Anor [1991] 1 CLJ 150, [1991] 3 (Rep) CLJ 339 ***(dirujuk)***

Sukatno v. Lee Seng Kee & Anor [2009] 4 CLJ 171 CA ***(dirujuk)***

Tan Cheong Poh & Anor v. Teoh Ah Keow [1996] 3 CLJ 665 CA ***(dirujuk)***

The Wagon Mound (No 1) [1961] AC 388

Yahaya Mat & Anor v. Abdul Rahman Abu [1982] CLJ 68; [1982] CLJ (Rep) 363 FC ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu/plaintif - Haminder Singh; T/n HS Dhilon & Co
Bagi pihak responden/defendan - YK Leong; T/n Loh & Assocs

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Has Zanah Mehat PK:

Latar Belakang Dan Fakta

[1] Plaintif membawa tindakan ini melalui wakil terdekat yang sah (suami) menuntut gantirugi terhadap defendan 1 dan 2 kerana kecederaan yang dialami akibat terjatuh dari bas kepunyaan defendan 1 dan dipandu oleh defendan 2.

[2] Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah mendapati defendan bertanggungan sebanyak 70% dan plaintif menyumbang cuai sebanyak 30%.

[3] Manakala kuantum pula HMS membenarkan seperti berikut:

Gantirugi am

(i) Kecederaan kepala = RM150,000

(ii) kesan parut = RM10,000

Gantirugi khas

HMS telah membenarkan semua gantirugi khas yang dipohon oleh plaintif seperti berikut:

(i) Kehilangan pendapatan = RM100,000

(ii) Kos penjagaan = RM105,480

(iii) Bil hospital dan bil rawatan = RM43,200

(iv) Bil perubatan = RM132,000

[4] Plaintif tidak berpuashati di atas liabiliti yang pada pendapat plaintif, defendan sepatutnya bertanggungan sebanyak 100% dan kuantum yang terlalu rendah berbanding trend semasa. Manakala defendan pula memfailkan rayuan balas kerana tidak berpuashati terhadap liabiliti 30% ke atas defendan dan juga kuantum yang diaward oleh HMS.

Rayuan Ke Mahkamah Tinggi

[5] Plaintif telah mengemukakan alasan rayuan bahawa HMS telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang atas alasan seperti berikut:

(i) Gagal mengambilkira pengakuan defendan 2 bahawa beliau tidak menutup pintu bas semasa kejadian berlaku;

(ii) Gagal mengambilkira bahawa plaintif telah terjatuh dari bas akibat cara pemanduan serta kegagalan defendan 2 menutup pintu bas semasa memandu;

(iii) Memutuskan plaintif cuai 30% sedangkan HMS berpuas hati dan percaya defendan 2 cuai kerana gagal menutup pintu semasa bas sedang bergerak;

(iv) Gagal mengambilkira keterangan konduktor bas yang menyokong keterangan plaintif bahawa mangsa berada di atas jalan belakang bas dan bukan di tepi jalan semasa jatuh seperti keterangan defendan;

(v) Gagal mengambilkira berdasarkan keterangan konduktor bahawa plaintif telah membayar tambang untuk dua orang untuk ke Chow Kit, Kuala Lumpur;

(vi) Memutuskan plaintif gagal berhati-hati walaupun tiada keterangan bahawa plaintif cuai;

(vii) Award RM150,000 adalah terlalu rendah berbanding award semasa;

(viii) Gagal mengambilkira keputusan kes *Nauren Abd Manaf* keputusan Mahkamah Rayuan N-04-47-2006 bertarikh 4 November 2009 yang telah mengawardkan RM400,000 untuk kecederaan dan RM100,000 bagi kehilangan kesenangan (loss of amenities) apabila hanya diawardkan hanya RM150,000;

(ix) Gagal mengambilkira bahawa adik plaintif diupah RM500 untuk menolong mangsa dan bukan diupah untuk menjaga seseorang;

(x) Gagal mengambilkira bahawa penjaga mangsa di Indonesia dibayar Rupiah1,500,000 dan telah berhenti kerana tidak tahan dengan keganasan mangsa;

(xi) Gagal mengambilkira bahawa plaintif terpaksa balik ke Indonesia kerana menjaga mangsa;

(xii) Gagal mengambilkira bahawa plaintif terpaksa berhenti kerja kerana menjaga mangsa dan gaji plaintif ialah RM2,600;

(xiii) Award kos jagaan adalah terlalu rendah iaitu sebanyak RM105,480;

(xiv) Award RM100,000 untuk kehilangan pendapatan adalah terlalu rendah dan gagal mengambilkira pendapatan sebenar plaintif semasa kemalangan.

[6] Defendan mengemukakan rayuan balas atas alasan bahawa HMS telah khilaf apabila memutuskan:

(i) Plaintif bertanggungan 30% dan defendan 70%;

(ii) Gagal mengambil kira bahawa plaintif berdiri di bahagian belakang bas yang sedang berjalan perlahan sebelum berhenti di perhentian bas;

(iii) Gagal mengambil kira bahawa jalan sesak dan tidak mungkin bas boleh dipandu dengan laju dan membelok ke sini dan ke sana;

(iv) Award yang terlalu tinggi.

Isu

[7] Berdasarkan alasan rayuan kedua-dua pihak, isu yang perlu diputuskan ialah seperti berikut:

(i) Sama ada defendan 100% cuai.

(ii) sama ada plaintif menyumbang cuai terhadap kemalangan tersebut. Jika jawapannya positif berapa peratus tanggungan;

(iii) sama ada award gantirugi am RM150,000 adalah terlalu rendah berbanding trend award semasa;

(iv) sama ada award RM105,480 untuk kos jagaan adalah terlalu rendah;

(v) sama ada award RM100,000 untuk kehilangan pendapatan adalah terlalu rendah dan HMS gagal mengambil kira pendapatan sebenar plaintif semasa kemalangan.

(vi) sama ada keseluruhan award adalah tinggi (dalam rayuan balas Defendan hanya menyatakan secara umum tanpa mengenal pasti butiran yang Defendan tidak berpuas hati).

Keputusan Mahkamah

Liabiliti

[8] Fakta yang tidak dipertikaikan ialah plaintif telah terjatuh dari bas no. WBS 7070 yang dipandu oleh defendan 2 ketika berada di Jalan Kepong pada 15 Januari 2008 lebih kurang pukul 7 pagi. Walaubagaimanapun terdapat percanggahan keterangan di antara saksi plaintif dan defendan mengenai bagaimana plaintif terjatuh dari bas tersebut. SP5 yang merupakan suami plaintif memberi keterangan bahawa beliau dan plaintif telah menaiki bas dari Damansara Damai menuju ke Chow Kit di Kuala Lumpur. Sepanjang perjalanan mereka terpaksa berdiri kerana bas penuh dengan penumpang. Plaintif terjatuh dari pintu belakang semasa bas dipandu laju sambil mengubah lorong dan corner sedikit.

[9] Manakala versi defendan berdasarkan keterangan konduktor bas iaitu SD3 mengatakan bahawa plaintif dan SP5 duduk di belakang sekali semasa mereka berdua menaiki bas di Damansara Damai dengan keduanya membayar tiket untuk ke Chow Kit. Apabila SD3 mendengar loceng dibunyikan untuk penumpang turun dan bas sedang bergerak perlahan, beliau mendengar bunyi

bising bahawa ada penumpang jatuh. Penumpang tersebut berdasarkan keterangan adalah plaintif. SD3 mengakui tidak melihat bagaimana plaintif jatuh.

[10] SD2 iaitu pemandu bas yang juga defendan 2, memberi keterangan bahawa semasa bas sedang bergerak perlahan, sebelum pintu belakang bas sempat ditutup selepas berhenti di perhentian bas KP9, loceng telah dibunyikan untuk penumpang turun di perhentian seterusnya. Melalui cermin pandang belakang SD2 nampak seorang penumpang perempuan telah melompat turun sebelum bas berhenti.

[11] HMS telah membuat dapatan fakta bahawa dakwaan SD2 bahawa plaintif melompat turun dari bas adalah tidak munasabah. Peguam defendan juga dalam pemeriksaan balas membuat cadangan kepada SP5 bahawa plaintif melompat turun sebelum bas betul-betul berhenti kerana telah lewat ke tempat kerja dan ini telah dinafikan oleh SP5. Penafian SP5 disokong oleh keterangan saksi defendan sendiri iaitu SD3 (konduktor) bas bahawa SP5 telah membayar bagi dua tiket untuk SP5 dan plaintif bagi perjalanan ke Chow Kit. Oleh itu mahkamah ini bersetuju dengan dapatan fakta oleh HMS yang berpendapat adalah tidak munasabah bahawa plaintif tergesa-gesa turun atau melompat turun sebelum bas betul-betul berhenti kerana telah lewat ke tempat kerja. Tempat kemalangan tersebut juga masih jauh dari destinasinya iaitu Chow Kit berdasarkan pembelian tiket.

[12] SD2 (pemandu) mengakui bahawa beliau masih belum menutup pintu belakang apabila mendengar loceng bas dibunyikan kerana baru sahaja berhenti di KP9 dan beliau memandu dalam keadaan perlahan. Berdasarkan keterangan ini HMS telah membuat dapatan bahawa defendan adalah cuai kerana tidak menutup pintu belakang bas walaupun dalam pergerakan yang perlahan. Mahkamah ini juga bersetuju dengan dapatan tersebut dan dapatan HMS bahawa defendan 2 cuai kerana tidak menutup pintu bas semasa bas sedang bergerak adalah betul.

[13] Fakta yang tidak dinafikan juga berdasarkan eks. P3 (keputusan penyiasatan kes) yang dikeluarkan oleh Ketua Trafik Kuala Lumpur bahawa saman di bawah r. 136A LN 170/59 telah dikeluarkan terhadap SD2. Dalam kes *MA Clyde v. Wong Ah Mei & Anor* [1970] 1 LNS 73, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa pelanggaran peraturan jalanraya yang ditetapkan oleh undang-undang adalah menimbulkan "a *prima facie* case of

negligence". Begitu juga dalam kes *Yahaya Mat & Anor v. Abdul Rahman Abu* [1982] CLJ 68; [1982] CLJ (Rep) 363, Mahkamah Persekutuan menyatakan pelanggaran peruntukan Ordinan Pengangkutan Jalan 1958, boleh digunakan untuk tujuan mewujudkan tanggungan.

[14] Dalam penghakiman saya, HMS telah membuat dapatan yang betul apabila mendapati defendan adalah cuai apabila tidak menutup pintu bas semasa bas sedang bergerak walaupun dalam keadaan perlahan.

Sumbang Cuai

[15] Defendan dalam pliding mereka telah memplidkan sumbang cuai di bawah butiran kecuaian plaintif seperti berikut:

(d) dengan secara tiba-tiba turun dari kenderaan yang sedang bergerak dan mengakibatkan kemalangan tersebut;

(g) secara tiba-tiba turun dari kenderaan Defendan yang sedang bergerak pada waktu yang tidak selamat untuk berbuat demikian dan mengakibatkan kemalangan tersebut;

(h) mewujudkan situasi yang membahayakan keselamatan diri sendiri dan lain-lain pengguna jalan raya tersebut;

(i) gagal mempertimbangkan keselamatan diri sendiri lalu turun dari kenderaan Defendan yang sedang bergerak dan mengakibatkan kemalangan;

(k) secara merbahaya melompat turun dari kenderaan Defendan yang sedang bergerak dan mengakibatkan pelanggaran;

(l) tidak menghiraukan keselamatan diri sendiri dengan secara tiba-tiba turun tanpa memastikan bahawa kenderaan Defendan telah berhenti sepenuhnya untuk menurunkan penumpang serta mengakibatkan kemalangan;

(m) gagal menunggu sehingga Defendan memberhentikan kenderaan untuk menurunkan penumpang di tempat yang selamat dan sesuai dan mengakibatkan kemalangan tersebut;

5. menafikan bahawa doktrin *res ipsa loquitur t*erpakai.

[16] Nampaknya dakwaan utama sumbang cuai oleh plaintif berdasarkan pliding defendan di perenggan (d), (g), (i), (k), (l) dan (m) ialah plaintif melompat turun atau turun dari bas semasa bas sedang bergerak. Defendan bergantung kepada keterangan SD2 bahawa beliau nampak plaintif melompat turun melalui cermin

pandang belakang. HMS tidak membuat dapatan sama ada beliau mempercayai keterangan SD2 ini atau tidak walaupun HMS yang melihat dan mendengar keterangan SD2. HMS telah gagal membuat penilaian keterangan ini. Dalam kes ini tidak ada saksi bebas yang melihat kejadian yang boleh memberi keterangan tanpa memihak dan berkepentingan. Namun begitu kegagalan ini tidak memberi kesan kepada dapatan HMS bahawa plaintif tidak melompat dari bas untuk turun sebelum bas berhenti. Ini berdasarkan keterangan SD3 (konduktor) bahawa kedua-dua plaintif dan suaminya (SP5) telah membeli tiket untuk ke Chow Kit. Oleh itu tiada sebab untuk plaintif turun sebelum sampai ke destinasi berdasarkan pembelian tiket. Tambahan pula dari keterangan SD2 dan SD3 sendiri bahawa bas belum sampai di tempat perhentian bas. Oleh itu keterangan SD2 bahawa beliau nampak plaintif melompat turun sebelum bas berhenti melalui cermin pandang belakang pada pendapat saya adalah tidak munasabah untuk dipercayai.

[17] Oleh itu defendan hanya boleh bergantung kepada pliding bahawa plaintif adalah sumbang cuai berdasarkan perenggan (h) iaitu "plaintif mewujudkan situasi yang membahayakan keselamatan diri sendiri dan lain-lain pengguna jalan raya tersebut". Berdasarkan keterangan SP5 bahawa beliau dan plaintif berdiri di bahagian tengah bas dan plaintif berdiri di belakangnya menghala ke pintu belakang. Plaintif terjatuh apabila bas yang tidak ditutup pintunya cuba membelok untuk berpindah lorong. Saya berpendapat plaintif adalah menanggung risiko apabila berdiri di belakang berhampiran pintu dan tidak terdapat keterangan bagaimana plaintif menjaga keselamatan dirinya pada ketika itu. Dengan bertindak sedemikian plaintif telah mewujudkan situasi yang membahayakan keselamatan diri sendiri. Saya merujuk kepada penghakiman YA Malik Ishak HMR dalam kes *Sukatno v. Lee Seng Kee & Anor* [2009] 4 CLJ 171 di perenggan 54 yang dipetik seperti berikut:

> [54] What is required of the defendant in order to establish a plea of contributory negligence is rather easy. It is for the defendant to prove that the plaintiff did not in his own interest take reasonable care of himself and thus contributed by his own want of care to his own injury (*Nance v. British Columbia Electric Railway Company LD. (supra)*).

[18] Oleh itu dapatan HMS bahawa plaintif adalah bertanggungan kerana sumbang cuai dan liabiliti sebanyak 30% tidak wajar diganggu oleh mahkamah ini.

[19] Tanggungan kecuaian defendan adalah lebih berat apabila tidak menutup pintu bas semasa bas sedang bergerak walaupun perlahan. Berdasarkan keputusan Privy Council dalam kes *The Wagon Mound (No 1)* [1961] AC 388 telah meletakkan perinsip tanggungan kecuaian di mana secara ringkasnya "that the defendant is only liable for damage of a kind which a reasonable man should have foreseen". SD2 sepatutnya sebagai seorang yang munasabah (as a reasonable man) dapat menjangka (should have forseen) bahawa dengan tidak menutup pintu bas penumpang boleh jatuh.

[20] Berdasarkan alasan-alasan di atas, rayuan dan rayuan balas terhadap liabiliti adalah ditolak dan keputusan HMS dikekalkan.

Kuantum

Ganti Rugi Am

Kecederaan kepala

[21] Plaintif tidak berpuas hati terhadap award gantirugi am untuk kecederaan kepala sebanyak RM150,000.

[22] Berdasarkan laporan pakar, plaintif mengalami kecederaan di bahagian kepala yang serius. Plaintif pada awalnya telah dirujuk kepada pakar pilihan plaintif dan defendan bagi tujuan menilai tahap kecederaan dan kecacatan yang dialami. Memandangkan terdapat percanggahan ketara dalam kedua-dua laporan tersebut, kedua-dua pihak kemudiannya bersetuju secara bersama menghantar plaintif untuk diperiksa oleh pihak ketiga, Prof CT Tan iaitu pakar neulorogi dari Pusat Perubatan Universiti Malaya.

[23] HMS telah merujuk kepada dua laporan perubatan dari Hospital Sungai Buloh (hospital pertama plaintif menerima rawatan selepas kemalangan) dan laporan pakar Prof Dr CT Tan kerana laporan-laporan ini telah dipersetujui secara bersama bagi tujuan taksiran gantirugi am untuk kecederaan pada bahagian kepala. HMS telah membenarkan gantirugi yang dipohon bagi setiap kecederaan yang dialami setelah mengambil kira kecederaan berikut:

- severe head injury with polytrauma
- bi-frontal hemorrhagic contusion
- cerebral edema
- left-sided acute subdural hematoma
- anterior inter-hemispheric fissure bleed
- Fracture of frontal skull vault
- Left periorbital hematoma
- Soft tissue scalp hematoma
- Post traumatic syndrome.

[24] Berdasarkan laporan Prof Dr CT Tan, kecederaan ini telah membawa kepada kecacatan kekal seperti berikut:

(i) global and severe dysphasia which resulted in her unable to comprehend oral and written instructions.

(ii) change in personality and behaviour.

(iii) increased risk of post-traumatic epilepsy.

(iv) requires regular hypnotics to sleep and medical consultation to manage any complications such as epileptic seizure or urinary tract infection which may arise.

(v) functionally the mental impairment causes her unable to return to paid employment or do any house chores. Need to live under assistance and supervision in her daily living and activities.

[25] Plaintif telah merujuk kepada kes-kes *Liong Thoo v. Sawiyah Hj Sirat & Ors* [1981] CLJ 127; [1981] CLJ (Rep) 171 dan *Nauren Abdul Manaf v. Chew Ming* (laporan suratkhabar The Star), pihak plaintif memohon gantirugi sebanyak RM450,000 untuk kecederaan yang dialami oleh plaintif atas alasan bahawa keadaan plaintif adalah lebih serius jika dibandingkan dengan kedua-dua kes yang dirujuk.

[26] Pihak defendan pula mencadangkan amaun sebanyak RM100,000 dengan bersandarkan kepada kes-kes *Cheng Siak Hor & Anor v. Rozali Ahmad* [2002] 4 CLJ 223 (RM150,000 untuk

"complete paraplegia") *Noor Azahar Habin v. Rajaswari Sithampara Pillai & Anor* [1991] 1 CLJ 150, [1991] 3 (Rep) CLJ 339 (RM125,000 untuk "complete paraplegia, no sensation below thoracic cage, bed sores, could not pass urine and faeces") *Chandra Sekaran Krishnan Nair Dan Satu Lagi lwn. Ayub Mohamed Dan Satu Lagi* [1994] 1 LNS 249 (RM100,000 untuk "severe head injury,with paralysis and severe speech impairment") dan *Tan Cheong Poh & Anor v. Teoh Ah Keow* [1996] 3 CLJ 665 (RM100,000 untuk "fracture of skull and parietal bone with brain damage, permanent severe neurologists disabilities, slowness in mental response, speech slow and slurred and not able to control the movement of limbs").

[27] Dalam penghakimannya HMS menerima keterangan bahawa plaintif mengalami kecederaan kepala yang serius tetapi beliau berpendapat kecederaan itu tidak sama sekali mencapai tahap severe brain damage atau post-traumatic dystrophy, also known as complex regional pain syndrome and bedridden sebagaimana yang berlaku dalam kedua-dua kes yang dirujuk oleh pihak plaintif. HMS juga membandingkan keadaan fizikal plaintif dengan dua kes yang dirujuk. Keadaan plaintif adalah lebih baik kerana boleh bergerak dengan sendiri walaupun tingkah lakunya perlu dijaga dan diawasi seperti yang dinyatakan oleh Prof CT Tan. Berdasarkan itu HMS berpendapat jumlah yang dicadangkan oleh pihak plaintif adalah keterlaluan berbanding cadangan pihak defendan yang difikirkan lebih munasabah dan wajar. HMS juga telah meneliti kesemua kes-kes yang dirujuk serta laporan pakar Dr CT Tan dan berpendapat jumlah RM150,000 adalah wajar dan berpatutan untuk keseluruhan kecederaan pada bahagian kepala plaintif. Oleh kerana HMS telah mengambil kira laporan perubatan dan kes-kes yang telah dirujuk dan melihat sendiri keadaan fizikal plaintif, mahkamah di peringkat rayuan tiada sebab untuk mengganggu dapatan dan keputusan Mahkamah Sesyen untuk gantirugi ini.

Gantirugi Khas

[28] Plaintif tidak berpuashati terhadap dua butiran ganti rugi khas iaitu kehilangan pendapatan dan kos penjagaan. Manakala defendan dalam hujahan bertulisnya bersetuju dengan ganti rugi yang diaward oleh HMS. Oleh itu nampaknya defendan tidak meneruskan rayuan mengenai ganti rugi khas bahawa award adalah terlalu tinggi seperti dalam memorandum rayuan.

Kehilangan Pendapatan

[29] Dr CT Tan telah mengesahkan, kecederaan yang dialami oleh plaintif tidak memungkinkan beliau untuk kembali bekerja. Fakta pekerjaan plaintif telah dikemukakan melalui saksi Man Yeo Hon (SP3), senior supervisor di tempat plaintif bekerja. Menurut saksi ini, plaintif bekerja sebagai buruh, berpendapatan RM35 sehari dan untuk kerja lebih masa dibayar RM4.35 sejam. Plaintif bekerja tujuh hari seminggu dengan purata 30 hari sebulan. Baucer gaji (eks. P4) dan Kong Kad (ID5) telah dikemukakan.

[30] Saya bersetuju dengan pendapat HMS bahawa eks. P4 hanya sekadar dapat membuktikan plaintif menerima gaji RM35 sehari tetapi tiada bukti yang menunjukkan plaintif bekerja 30 hari sebulan. Begitu juga dengan kerja lebih masa, tiada bukti menunjukkan plaintif ada bekerja lebih masa pada setiap hari. Oleh itu kehilangan pendapatan bagi gaji dan kerja lebih masa sebanyak RM1,300 sebulan yang dipohon oleh plaintif tidak dapat dipertahankan. HMS telah membenarkan atas dasar 20 hari bekerja sebulan kerana tempoh tersebut adalah munasabah dan berpatutan. Justeru, kehilangan pendapatan plaintif patut dikira pada kadar RM700 sebulan sahaja. Saya bersetuju dengan award ini yang diberi oleh HMS dan tiada sebab untuk mengganggu keputusan tersebut.

[31] Semasa kemalangan, plaintif berumur 31 tahun. Tempoh multiplier selama 12 tahun tidak dipertikaikan. Secara keseluruhan, kehilangan pendapatan yang dibenarkan oleh HMS adalah sebanyak RM100,000. Jumlah ini juga tidak wajar diganggu.

Kos Penjagaan

[32] Berdasarkan keterangan pakar, plaintif sememangnya memerlukan pengawasan dan penjagaan sepanjang hidupnya. Fakta ini tidak dinafikan. Persoalan yang timbul hanya berkisar kepada berapakah jumlah yang patut dibenarkan. Pihak plaintif memohon kos jagaan sebanyak RM2,600 sebulan atas alasan bahawa jumlah tersebut adalah sebagai ganti kepada pendapatan yang diperolehi oleh suami plaintif (SP5) yang kononnya terpaksa berhenti bekerja untuk menjaga plaintif.

[33] HMS tidak membenarkan jumlah tersebut atas alasan-alasan berikut:

(a) Plaintif patut mitigate the loss. Sememangnya SP5 bertanggungjawab untuk menjaga Plaintif tetapi kerja ini boleh diserahkan kepada orang lain dengan upah yang lebih rendah dan SP5 boleh meneruskan kerja. Sepertimana yang telah pun berlaku, Plaintif pernah dijaga oleh pembantu dengan bayaran 1 1/2 juta rupiah sebulan semasa beliau dibawa pulang ke Indonesia. Semasa di Malaysia, Plaintif juga telah dijaga oleh adik iparnya dengan bayaran RM500.00. Ini membuktikan bahawa Plaintif boleh dijaga oleh orang lain dan tidak semesti suaminya sahaja.

(b) Keterangan majikan Munir, Majlan @ Mazlan (SP4) yang mengatakan SP5 telah berhenti kerja amat diragui kerana ia bertentangan dengan pengakuan terkini yang tercatat dalam laporan Dr Tan yang menunjukkan bahawa pada masa sekarang SP5 masih bekerja di Malaysia sebagai Electrician. Dari itu tuntutan Plaintif untuk kos penjagaan sebanyak RM2,600.00 sebulan tidak harus dibenarkan.

[34] Berdasarkan keterangan SP5 bahawa plaintif akan dibawa balik ke Indonesia selepas selesai kes (yang merujuk kepada tuntutan plaintif) dan beliau akan terus berada di sana dan berdasarkan kepada fakta-fakta yang dinyatakan dalam penghakiman HMS di atas, HMS telah membenarkan kos penjagaan untuk jumlah RM300 sebulan selama tempuh 29.3 tahun RM300 x 29.3 tahun x 12 bulan).

[35] Mahkamah ini juga tidak ada sebab mengganggu jumlah yang diaward bagi kos penjagaan ini.

Kesimpulan

[36] Berdasarkan di atas mahkamah ini berpendapat HMS yang bijaksana telah secara betul memutuskan liabiliti dan kuantum dan mahkamah ini tidak mempunyai alasan untuk mengganggu keputusan tersebut. Tidak ada kegagalan memberi penilaian yang betul terhadap semua keterangan di hadapannya dan tidak terdapat penyalaharahan oleh HMS dan mahkamah ini di peringkat rayuan tidak berasa terdorong untuk membuat kesimpulan yang lain atas keterangan yang tercatat di dalam rekod rayuan. Oleh itu rayuan dan rayuan balas ditolak dengan tanpa perintah kos.